

26 OCT 2003

Mahathir-Cara (Bergambar) (UPDATE 1)

"KEKALKAN CARA KITA" - DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia harus memastikan kaedah tersendiri dalam mencapai kemajuan dan bagi menjamin kemajuan itu berkekalan.

Perdana Menteri berkata adalah menjadi harapan beliau untuk melihat rakyat negara ini terus hidup dengan selesa hasil kemajuan negara yang berterusan setelah beliau bersara nanti.

"Kita telah berjaya dalam membina sebuah negara yang memberikan kita kehidupan yang baik, yang memberikan kita kebanggaan, yang dihormati semua, dan kita melakukan kesemua ini dengan cara kita dan kita mesti sentiasa cuba mengekalkan cara kita ini supaya di tahun-tahun mendatang Malaysia akan terus maju, akan terus membangun dan rakyatnya akan mendapat kehidupan yang terus selesa.

"Inilah harapan kita semua, ini juga harapan saya di waktu saya berundur diri dari arena politik ini," katanya semasa berucap merasmikan perhimpunan agung Parti Progresif Penduduk (PPP) di sini. Dr Mahathir akan melepaskan jawatannya sebagai Perdana Menteri Jumaat ini.

Beliau berkata banyak perkara yang tidak dibuat oleh negara lain di dunia ini dilakukan oleh Malaysia seperti menjadikan setiap sambutan perayaan sebagai sambutan kebangsaan bagi mengukuhkan perpaduan rakyat.

"Itu adalah cara kita untuk merapatkan hubungan antara kaum, antara penganut agama yang berlainan," katanya.

Dr Mahathir berkata kejayaan Malaysia juga membolehkan rakyat negara ini merantau mencari rezeki di negara asing tetapi dalam masa yang sama masih berbangga menjadi rakyat Malaysia.

"Saya berada di Papua New Guinea (dua hari lepas). Ada 3,000 orang Malaysia di Papua New Guinea, dulu tak ada seorang pun. Mereka berniaga di sana, mereka berjaya, mereka tidak lupa bahawa mereka adalah dari Malaysia.

"Mereka berbangga menjadi rakyat Malaysia. Ini satu perkara baru, bangga menjadi rakyat Malaysia, walau di mana jua mereka berada," katanya.

Dan semangat cintai negara itu lahir hasil kejayaan Malaysia, katanya.

Dr Mahathir berkata kejayaan negara adalah hasil daripada sikap parti gabungan yang memerintah yang tidak tamak, sebaliknya mengamalkan sikap berkongsi kuasa.

"Cara Barisan Nasional ialah dengan berkongsi, kita tak tamak, kita tak ambil semua untuk kita, kita sanggup memberi sebahagian kepada pihak lain yang juga berhak dan pihak lain pulak akan memberi kepada kita bahagian yang berpatutan bagi kita.

"Kita berkongsi dan berkongsi secara adil supaya setiap orang mendapat sebahagian daripada kekayaan dan kesejahteraan yang dinikmati...ini cara kita," katanya.

Perdana Menteri dalam pada itu turut mengingatkan rakyat Malaysia agar mengamalkan budaya hidup yang mulia kerana kebolehan dan ilmu pengetahuan yang tinggi sahaja tidak mampu menjamin kejayaan negara.

Katanya tanpa amalan hidup yang murni, mereka yang berpengetahuan dan berkebolehan berupaya menyalahgunakannya untuk tujuan yang tidak elok.

"Kita mungkin belajar sehingga mendapat ijazah kedoktoran, PhD, itu adalah kebolehan kita, tetapi jika budayanya tidak baik maka kita akan gunakan kecekapan kita itu untuk merancang bagaimana menyamun sebuah bank umpamanya.

"Sebab itu kita bukan perlu kepada ilmu pengetahuan sahaja, kita perlu bentuk budaya yang baik yang boleh memberi kebaikan kepada kita, kejayaan

kepada kita," katanya.

Perdana Menteri dalam masa yang sama melahirkan rasa hairan kerana di sebalik kejayaan negara, masih ada segelintir rakyat yang membantah usaha kerajaan untuk mengukuhkan perpaduan rakyat yang menjadi asas kejayaan negara.

Beliau berkata usaha kerajaan menggalakkan lebih ramai murid bukan Melayu belajar di sekolah kebangsaan, untuk memupuk semangat perpaduan di peringkat awal, disalah ertikan sebagai cuba membelakangkan sekolah aliran jenis kebangsaan.

Tindakan kerajaan menubuhkan sekolah wawasan yang menempatkan tiga jenis sekolah dalam satu kawasan juga disalah anggap kononnya kerajaan cuba menghapuskan bahasa ibunda kaum lain.

"Tidak ada niat, cuma di Malaysia saja yang ada sekolah bahasa bukan kebangsaan. Di negara-negara lain di Asia Tenggara tidak dibenarkan, di Amerika Syarikat tidak ada, di Australia tidak ada sekolah Cina yang dibiayai oleh orang Australia.

"Saya tidak faham kenapa bersikap sedemikian di sebalik negara kita memberi kehidupan yang sempurna kepada kita semua," katanya.

-- BERNAMA

NM KHY RON